



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Bahagian Penguatkuasa,
No. 13, Aras 2 & 3,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603-8882 5500
Faks: 603-8882 6171
Laman Web: www.kpdnhep.gov.my

Ruj. Kami : KPDN(PGK)100-1/9/2()

Tarikh : **3** April 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

ARAHAN PENGUATKUASAAN HARGA MAKSIMUM BARANGAN HARGA TERKAWAL TOPENG MUKA MELALUI PERINTAH KAWALAN HARGA & ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) (No. 2) (PINDAAN) 2020 DAN KAWALAN KENDIRI (SELF REGULATORY) KE ATAS PENJUALAN CECAIR PENCUCI TANGAN (HAND SANITIZER) DALAM TALIAN DI PLATFOM E-DAGANG.

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah menetapkan topeng muka sebagai barangan harga terkawal bagi jualan runcit dan borong melalui satu warta yang telah dikeluarkan pada 31 Mac 2020. Salinan warta tersebut adalah seperti mana yang dilampirkan dan ia berkuatkuasa mulai **1 April 2020**. Melalui pemantauan yang telah dilakukan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP mendapati masih terdapat penjualan topeng muka dalam talian melebihi harga maksimum. Untuk rekod, KPDNHEP juga menerima sebanyak **398 aduan berkaitan topeng muka** dan **24 aduan berhubung *hand sanitizer*** yang dijual di dalam platform e-dagang.
3. Sehubungan ini bagi menguatkuasakan harga maksimum topeng muka yang dijual secara dalam talian, penyedia-penyedia platform diarah mengambil tindakan berikut:



- a) **Membenarkan hanya penjualan topeng muka yang mematuhi harga maksimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan;**
- b) **Menurunkan kandungan (contents removal) sedia ada yang didapati menjual topeng muka melebihi harga maksimum;**
- c) **Melakukan kawalan-kendiri ke atas penjualan cecair pencuci tangan di platform e-dagang bagi memastikan tiada unsur-unsur yang menjejaskan kepada penipuan (fraud) dan manipulasi harga. Sebagai contoh adalah penjualan bersyarat (conditional offer to purchase) oleh penjual seperti meletakkan syarat topeng muka hanya dijual bersama hand sanitizer.**
- d) **Menyediakan iklan/pengumuman/crawler khas berkaitan arahan ini di dalam platform masing-masing untuk makluman kepada semua pengguna dan khususnya penjual; dan**
- e) **Membekalkan/mendedahkan maklumat penjual kepada Bahagian Penguat Kuasa apabila diminta berbuat demikian sekiranya ia diperlukan bagi tujuan siasatan lanjut.**

4. Kerjasama pihak Tuan/Puan dan keperihatinan untuk membantu Kerajaan di dalam mengekang perlakuan manipulasi harga-harga barangan tersebut ketika negara menghadapi krisis Covid 19 amatlah dihargai. Arahan ini berkuatkuasa serta merta bermula dari tarikh ia ditandatangani. Untuk sebarang pertanyaan mengenainya boleh merujuk kepada (a) Tuan Aminuddin bin Muhammad/emel: aminuddin@kpdnhep.gov.my atau (b) Tuan Wan Mohamad Sharim bin Wan Mohamed/emel: mohdsharim@kpdnhep.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PANTAS, CEKAP, EFEKTIF”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN SULAIMAN)

Pengarah Penguat Kuasa

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna.

s.k Ketua Setiausaha

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna)

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi)

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan)